

**IBN TAYMIYYAH DAN PANDANGANNYA TERHADAP KONSEP  
KENABIAN ALIRAN FALSAFAH ISLAM *AL-MASYA'IIYAH***

**oleh**

**ABD. RASYID BIN IDRIS @ ADIR**

**Tesis ini diserahkan untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana**

**Julai 2007**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## PENGHARGAAN

Segala puja dan puji hanya bagi Allah Tuhan semesta alam yang telah menganugerahkan kepada hamba-Nya yang faqir ini ilmu pengetahuan. Dengan segala rasa rendah diri, saya mengakui bahawa kajian ini tidak akan dapat dilakukan tanpa *taufiq* dan *'inayah* dari Allah 'Azza wa jalla. Tiada lafaz yang setanding untuk mengungkap rasa kesyukuran yang tidak terhingga ini. Hanya bagi Allah segala pujian yang layak dengan sifat keagungan-Nya.

Seterusnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zailan Moris yang sudi menjadi penyelia saya sehingga tesis ini siap. Segala khidmat nasihat, sikap ambil berat, jasa dan budinya akan tetap saya kenang.

Ucapan terima kasih juga kepada Universiti Sains Malaysia khususnya Bahagian Falsafah dan Tamadun Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan juga Pusat Pengajian Siswazah yang telah memberi saya peluang untuk membuat kajian ini.

Tidak lupa juga untuk isteri tercinta yang banyak menyumbang idea dan saranan serta menyemak tesis ini. Keikhlasannya dan anak-anak dalam memberikan sokongan moral amat dihargai.

Di samping itu, jasa ibu dan ayah akan tetap tersemat kukuh di dalam hati dan sanubari ini. Pengorbanan dan jasa yang dilimpahkan tidak mungkin dapat saya balas dengan kata-kata atau material. Doa ibu yang merestui perjuangan ini membantu saya menjalankan kajian ini. Buat ayah yang telah pergi, keinginannya melihat anaknya berjaya, membakar semangat saya untuk meneruskan perjuangan yang hampir malap.

Begitu juga buat, teman-teman yang tidak putus-putus mengambil berat dan bertanya khabar. Sokongan moral mereka, menambahkan keazaman untuk mengharungi perjalanan panjang dalam kajian ini bagi mencapai cita-cita.

Untuk mereka semua, saya mendoakan agar Allah memberikan kebaikan yang berterusan di dunia hingga ke akhirat.

## JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iv
JADUAL TRANSLITERASI	x
SENARAI SINGKATAN	xii
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xv
<b>BAB PERTAMA:</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	
	1-29
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Skop Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Kajian-kajian terdahulu	17
1.7 Methodologi Kajian	22
1.8 Orgnisasi Kajian	24
<b>BAB KEDUA:</b>	
<b>RIWAYAT HIDUP IBN TAYMIYYAH DAN SUASANA SEMASA</b>	
	30-66
2.1) <b>Riwayat Hidup</b>	30
2.1.1 Pengenalan	30
2.1.2 Latar Belakang Peribadi	31

a) Kelahiran	31
b) Keperibadian	33
c) Pendidikan	34
2.1.3 Perjuangan	37
a) Dakwah	37
b) Peperangan	41
c) Tribulasi: sebab dan kesudahan	44
2.1.4 Manhaj Ibn Taymiyyah	46
a) Dalam Penyelidikan dan Penulisan	46
b) Ibn Taymiyyah menyokong manhaj <i>Al-Salaf</i>	49
2.1.5 Kematian	51
2.1.6 Hasil Intelektual	53
<b>2.2) Suasana Semasa</b>	<b>57</b>
2.2.1 Pengenalan	57
2.2.2 Politik	58
2.2.3 Sosio-Ekonomi	60
2.2.4 Agama dan Pemikiran	63
2.2.5 Penutup	66
<b>BAB KETIGA:</b>	
<b>TRADISI FALSAFAH ISLAM ALIRAN AL-MASYA' IYYAH</b>	<b>67-108</b>
<b>3.1) Tradisi Falsafah Islam</b>	<b>67</b>
3.1.1 Definisi Falsafah	67
3.1.2 Islam dan Falsafah	68

3.1.3 Falsafah Islam – Falsafah Arab – Falsafah di Tanah Arab	72
3.1.4 Falsafah dan Ilmu Kalam	74
3.1.5 Falsafah dan Tasawwuf	79
3.1.6 Falsafah dan Hikmah	81
3.1.7 Kesimpulan	82
<b>3.2) Lapangan dan Aliran Pemikiran Falsafah</b>	<b>83</b>
3.2.1 Pengenalan	83
3.2.2 Lapangan Falsafah	83
3.2.3 Skop Perbahasan Falsafah	87
a) Ilahiyyah	88
b) Fizikal	89
c) Matematik	89
d) Logik	90
3.2.4 Aliran Pemikiran Falsafah Islam	91
a) Falsafah <i>Al-Isyraqiyyah</i>	92
b) Falsafah <i>Al-Masyriqiyyah</i>	93
3.2.5 Kesimpulan	95
<b>3.3) Falsafah Islam <i>Al-Masya'iyah</i></b>	<b>96</b>
3.3.1 Pengenalan	96
3.3.2 Latar Belakang Falsafah <i>Al-Masya'iyah</i>	97
3.3.3 Tokoh-tokoh Falsafah <i>Al-Masya'iyah</i>	98
3.3.4 Karya-karya Utama Falsafah <i>Al-Masya'iyah</i>	106
3.3.5 Kesimpulan	108

## **BAB KEEMPAT:**

<b>FALSAFAH METAFIZIK DAN KONSEP KENABIAN</b>	109-144
<b>4.1) Metafizik</b>	109
4.1.1 Definisi Metafizik dan Perkembangannya	109
4.1.2 Topik-topik Perbahasan Metafizik	111
<b>4.2) Konsep Kenabian</b>	114
4.2.1 Kenabian di sudut Falsafah	114
4.2.2 Provokasi Berhubung Keimanan Terhadap Kenabian	116
<b>4.3) Perbahasan <i>Al-Masya'iyah</i> Berhubung Kenabian</b>	121
4.3.1 Pengenalan	121
4.3.2 Perbahasan Topik	121
a) Emanasi, Wahyu dan Malaikat	121
b) Ciri-ciri Nabi	131
c) Mukjizat dan <i>Al-Khawariq li Al-'Adat</i>	136
d) Kebenaran Risalah Nabi	139
4.3.3 Kesimpulan	143

## **BAB KELIMA:**

### **FALSAFAH DAN KONSEP KENABIAN MENURUT**

<b>IBN TAYMIYYAH</b>	145-187
<b>5.1) Pandangan Ibn Taymiyyah terhadap Falsafah Islam</b>	145
5.1.1 Pengenalan	145
5.1.2 Pembahagian Falsafah	147

a) Mantiq	149
b) Fizik dan Matematik	150
c) Metafizik	151
5.1.3 Kesimpulan	153
<b>5.2) Ulasan Ibn Taymiyyah terhadap Konsep Kenabian Falsafah</b>	
<b><i>Al-Masya'iyah</i></b>	153
5.2.1 Pengenalan	153
5.2.2 Perbincangan Topik	154
a) Wahyu dan Malaikat	155
b) Ciri-ciri Nabi	166
c) Mukjizat dan <i>Al-Khawariq li Al-'Adat</i>	172
d) Kebenaran Risalah dan Syariat	176
<b>5.3) Pendirian Ibn Taymiyyah Berhubung Keimanan Kepada</b>	
<b>Para Nabi</b>	180
5.3.1 Pengenalan	180
5.3.2 Kesimpulan Polemik antara Ibn Taymiyyah dan	
Falsafah <i>Al-Masya'iyah</i>	181
5.3.3 Petikan daripada kitab <i>Al-Nubuwwat</i>	184
a) Tanda-tanda Kenabian	184
b) Mukjizat	185
c) Hakikat Wahyu	186



**BAB KEENAM:**

<b>PENUTUP</b>	188-206
<b>6.1) Pengenalan</b>	188
6.1.1 Ulasan umum terhadap Falsafah Islam	188
6.1.2 Ulasan terhadap punca polemik	190
6.1.3 Ulasan terhadap topik pertikaian	192
<b>6.2) Kesimpulan</b>	201
<b>6.3) Penemuan-penemuan Kajian</b>	204
<b>6.4) Cadangan-cadangan</b>	205
<b>BIBLIOGRAFI</b>	207-216

## JADUAL TRANSLITERASI

<u>Nama</u>	<u>Huruf 'Arab</u>	<u>Transliterasi</u>
Hamzah	ء	a
Ba	ب	b
Ta	ت	t
Tha	ث	th
Jim	ج	j
Ha	ح	h
Kha	خ	kh
Dal	د	d
Dhal	ذ	dh
Ra	ر	r
Zay	ز	z
Sin	س	s
Syin	ش	sy
Sad	ص	s
Dad	ض	d
To	ط	t
Zo	ظ	z
'Ayn	ع	'
Ghayn	غ	gh
Fa	ف	f

Qaf	ق	q
Kaf	ك	k
Lam	ل	l
Mim	م	m
Nun	ن	n
Wau	و	w
Ha	هـ	h
Ya	ي	y

Vokal Pendek

\_\_\_\_\_ا a  
 \_\_\_\_\_ay

\_\_\_\_\_i

\_\_\_\_\_u

Vokal Panjang

ا\_\_\_\_\_ا a

ي\_\_\_\_\_i  
 ِ

و\_\_\_\_\_u

Vokal Diftong

اي

او\_\_\_\_\_aw

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, m.s 1-3.

## SENARAI SINGKATAN

M	-	Masehi
H	-	Hijrah
SM	-	Sebelum Masehi
Ibid.	-	<i>Ibidem</i> bererti sama dengan rujukan yang disebutkan di atas
Op. cit	-	<i>Opere citato</i> bererti dalam sumber yang telah disebutkan
S.W.T	-	(سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى) <i>Subhanahu wa ta'ala</i> bererti Yang Maha Suci dan Maha Tinggi
S.A.W	-	(صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) <i>SallaLlahu 'alaihi wa sallam</i> bererti Allah berselawat dan memberi salam ke atasnya
a.s	-	(عليه السلام) <i>'Alaihissalam</i> bererti sejahtera ke atasnya

**IBN TAYMIYYAH DAN PANDANGANNYA  
TERHADAP KONSEP KENABIAN  
ALIRAN FALSAFAH ISLAM *AL-MASYA'IYYAH***

**ABSTRAK**

Tesis ini mengkaji tentang Syeikh al-Islam Ahmad Bin Abd Al-Halim Bin Taymiyyah (661H-728H/1263M-1328M) dan pandangannya terhadap konsep kenabian yang menjadi perbincangan golongan Falsafah Islam aliran *Al-Masya'iyah* (pengikut aliran Falsafah Aristotle). Kajian ini dimulakan dengan latar belakang kehidupan dan perjuangan Ibn Taymiyyah iaitu di medan bersenjata berhadapan dengan tentera Tartar dan di medan kesarjanaan berhadapan dengan golongan Falsafah. Pemikiran Falsafah Islam mempunyai beberapa aliran dan yang dikhususkan di dalam kajian ini ialah daripada golongan *Al-Masya'iyah*. Idea dan pandangan sarjana *Al-Masya'iyah* seperti Al-Farabi, Ibn Sina dan Al-Ghazali berhubung konsep kenabian dibentangkan dan seterusnya diberikan ulasan dan kritikan oleh Ibn Taymiyyah. Persoalan kenabian yang dibincangkan meliputi ruang yang sangat luas. Asas kepada perbincangan para sarjana Falsafah Islam ini ialah Teori Emanasi, konsep 'Akal-akal yang Sepuluh' dan 'satu tidak akan melahirkan melainkan hanya satu juga'. Perbahasan topik ini mengikut acuan Falsafah adalah sebahagian daripada usaha mereka menyelaraskan ajaran agama dengan pemikiran Falsafah. Usaha ini tidak dipersetujui oleh Ibn Taymiyyah yang berpegang teguh dengan *manhaj Al-Salaf*. Justeru itu, beliau melancarkan kritikan demi kritikan ke atas idea-idea mereka. Hujah-hujah yang dikemukakan berbentuk akli dan naqli. Kesimpulannya pertentangan di antara Ibn Taymiyyah dan golongan Falsafah Islam *Al-Masya'iyah* adalah berasaskan perbezaan

pendekatan dalam mentafsir nas syarak. Sarjana Falsafah sangat mengagungkan doktrin falsafah yang berasal dari Yunani lalu menyelaraskannya dengan nas-nas agama, sebaliknya Ibn Taymiyyah berpendapat bahawa itulah punca kesalahan dalam mentafsirkan nas-nas tersebut.

**IBN TAYMIYYAH AND HIS VIEW  
ON THE CONCEPT OF PROPHECY  
OF THE *MASYA'IYYAH* SCHOOL OF ISLAMIC PHILOSOPHY**

**ABSTRACT**

This thesis is a study of Syeikh al-Islam Ahmad Bin Abd Al-Halim Ibn Taymiyyah ( 661H-728H/1263M-1328M ) and his view regarding the concept of prophecy (*nubuwwah*) put forth by a group of Muslim philosophers known as *Al-Masya'iyah* (Peripatetics). In this study, the researcher begins with Ibn Taymiyyah's biography including his struggle in the battlefield against the Tartars, as well as in the intellectual arena against the philosophers . There are several schools of thought in Islamic Philosophy but this study focusses only on one school, i.e. *Al-Masya'iyah*. The views of the leading *Al-Masya'iyah* philosophers such as Al-Farabi, Ibn Sina and Al-Ghazali on the concept of prophecy will be dealt with, and also Ibn Taymiyyah's critique of them. The topic of prophecy discussed by Muslim scholars covers a wide scope. The basis for the Islamic philosophers' discussion of prophecy are: the Theory of Emanation, the concept of the Ten Intellects, and the principle that 'Only one can come forth from the One'. These discussions were actually aimed at synthesizing philosophical thought and religious teachings. This synthesizing effort was not acceptable to Ibn Taymiyyah who advocated the *Al-Salaf* school of thought instead. As such, he leveled many arguments supported by religious texts and reasons to refute the views of the *Al-Masya'iyah* philosophers. In conclusion, the differences between Ibn Taymiyyah's and the *Masya'iyah* philosophers' views on the subject of prophecy can be viewed as the differences in their approaches to the interpretation of the religious sources, i.e. al-Quran and al-

Sunnah. The *Masya'iyah* philosophers had a great respect for Greek Philosophy and thus, they tried to synthesise it with the teachings of al-Quran and al-Sunnah, which for Ibn Taymiyyah is the cause of their mistake in interpreting and understanding the religious sources.



## **BAB 1**

### **Pendahuluan**

#### **1.1) PENGENALAN**

Ibn Taymiyyah adalah suatu nama yang tidak asing di persada kesarjanaan Islam. Beliau telah menghasilkan banyak karya ilmiah di dalam berbagai-bagai disiplin ilmu. Karya-karya Ibn Taymiyyah sering mendapat perhatian umat Islam khususnya di kalangan para ilmuan sepanjang zaman. Banyak pengkajian ilmiah telah dilakukan terhadap tulisan-tulisan beliau.

Kecintaan beliau terhadap ilmu pengetahuan dapat dilihat melalui ketekunannya menghasilkan karya-karya ilmiah untuk menjadi rujukan umat. Kesetiaannya terhadap kebenaran pula dapat disaksikan melalui kesungguhannya mengemukakan hujah-hujah ilmiah secara naqli mahupun akli. Kesungguhan dan ketekunan itu lahir daripada kesedaran bahawa ia bertujuan untuk membetulkan sesuatu yang dianggap penyelewengan terhadap kebenaran syariat.

Penulisan merupakan salah satu medan utama untuk Ibn Taymiyyah memaparkan kesucian dan ketulenan Islam, juga bagi menjelaskan manhaj golongan *Al-Salaf Al-Saleh* yang didokonginya. Justeru itu, tulisan beliau sebenarnya lebih berbentuk sangkalan terhadap pihak-pihak yang dirasakan berbeza dari manhaj *Al-Salaf* yang beliau perjuangkan. Selain menulis dan mengajar, beliau juga terlibat di medan jihad bersenjata menentang penjajah Tartar yang menyerang tanah airnya.

Ibn Taymiyyah sangat lantang menyuarakan kebenaran dan menyeru umat supaya berpegang teguh dengan Al-Quran dan Al-Sunnah. Oleh sebab

itu, banyak pihak yang merasakan bahawa kepentingan mereka telah terjejas. Ini menimbulkan permusuhan di antara individu-individu tersebut dengan beliau. Di antara pihak yang menjadi perhatian beliau ialah golongan Tasawwuf, ahli Kalam dan ahli Falsafah. Perhatian yang diberikan lebih banyak berbentuk kritikan dan sanggahan yang keras; lantaran beliau menganggap banyak doktrin yang dibawa oleh pihak-pihak tersebut bercanggah dengan Al-Quran dan Al-Sunnah serta manhaj *Al-Salaf*. Sungguhpun begitu, apabila pendirian mereka tidak dirasakan bercanggah apatah lagi dapat dibuktikan kebenarannya, Ibn Taymiyyah tidak ragu-ragu menyebut dan mengiktirafnya.

Sebenarnya Ibn Taymiyyah telah muncul di persada kesarjanaan Islam ketika perbahasan ilmu termasuk yang membabitkan soal-soal aqidah menjadi semakin rencam. Persoalan agama yang dibincangkan sarat dengan unsur-unsur Falsafah Yunani. Justeru beliau memainkan peranan membenteng pandangan-pandangan Falsafah seterusnya menjelaskan kesalahan atau kekurangannya. Ibn Taymiyyah bukan sekadar mengkritik tetapi turut menyertakan kritikan tersebut dengan hujah dan alasan yang kukuh berlandaskan nas-nas syarak dan hujah secara akli. Walaubagaimanapun usaha yang beliau lakukan ini bukanlah usaha yang pertama di dalam tradisi keilmuan Islam.

Sebelum itu, telah ada satu dua percubaan mengkritik Falsafah dan yang paling 'menggegarkan' ialah apa yang dilakukan oleh Hujjat al-Islam Abu Hamid Al-Ghazali. Al-Ghazali (450-505H) telah membongkar 'kecelaruan' doktrin Falsafah di dalam kitabnya: *Tahafut Al-Falasifah* (Kecelaruan Ahli Falsafah)<sup>1</sup>. Namun Al-Ghazali sendiri kemudiannya tenggelam bersama perbahasan

---

<sup>1</sup> Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad. *Tahafut Al-Falasifah*. Ed. Sulaiman Dunya, Mesir: Dar Al-Ma'arif, Ctk. Kedua (1955M).

Falsafah. Selepas itu muncul pula Ibn Taymiyyah mewakili aliran hadith, manhaj *al-salaf* meneruskan perjuangan membongkar kecelaruan Falsafah khususnya yang berkaitan dengan aqidah Islam. Beliau mengkritik pandangan para sarjana Falsafah Islam termasuk Al-Ghazali sendiri yang telah menulis beberapa karya mengandungi doktrin Falsafah.

Ibn Taymiyyah telah melakukan kritikan yang keras terhadap golongan Falsafah. Namun begitu, beliau tidak menolak kesemua isi kandungan ilmu Falsafah samada oleh ahli Falsafah Yunani mahupun Islam. Sebaliknya kritikan itu banyak berkisar tentang hal-hal Metafizik sahaja. Beliau mengakui kebenaran dan kehebatan Falsafah di dalam perbahasan berkaitan Matematik, Geografi, Sains dan seumpamanya. Beliau juga mengkritik sarjana Ilmu Kalam yang menentang fakta-fakta sains yang dikemukakan oleh ahli Falsafah. Namun apabila perbahasan itu menyentuh isu ketuhanan dan syariat, beliau bingkis untuk berpegang teguh dengan nas-nas syarak (Al-Quran dan Al-Sunnah).

Atas prinsip inilah beliau bersungguh-sungguh menghurai dan mengkritik idea-idea Falsafah sehingga setiap tulisannya tidak sunyi daripada membahaskan soal-soal sedemikian. Antara kitabnya yang menyentuh secara panjang lebar berhubung Falsafah ialah: *Dar'u Ta'arud Al-'Aql wa Al-Naql*<sup>2</sup> (Mengelak Pertentangan Akal dan Naqal), *Al-Radd 'ala Al-Mantiqiyyin*<sup>3</sup> (Suatu Penolakan Terhadap Golongan ahli Mantiq), *Naqd Al-Mantiq*<sup>4</sup> (Membatalkan

---

<sup>2</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abd Al-Halim. *Dar'u Ta'arud Al-'Aql wa Al-Naql*. Ed. Muhammad Rasyad Salim, Riyad: Dar al-Kunuz al-Adabiyah, (1391H).

<sup>3</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abd Al-Halim. *Al-Radd 'ala Al-Mantiqiyyin*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, (t.t).

<sup>4</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abd Al-Halim. *Naqd Al-Mantiq*. Ed. Muhammad Hamid Al-Faqi, (t.t).

Mantiq), *Bughyat Al-Murtad*<sup>5</sup> (Kehendak Orang Yang Berkeinginan) *Al-Nubuwwat*<sup>6</sup> (Kenabian), *Risalah Al-Safadiyyah*<sup>7</sup> (Risalah Kepada Penduduk Safad) dan seumpamanya.

Tumpuan di dalam karya-karya tersebut lebih kepada membatalkan prinsip dan pandangan ahli Falsafah Islam<sup>8</sup>. Falsafah Islam aliran *Al-Masya'iyah* adalah fokus yang paling utama. Di dalam proses itu, Ibn Taymiyyah akan membentangkan terlebih dahulu pandangan ahli Falsafah sebelum mematahkan hujah-hujahnya. Kerap kali juga beliau menyatakan perbezaan di antara pendapat mereka. Sebagai contoh, tokoh Falsafah Islam yang terkenal seperti Ibn Sina (370-428H) cenderung menggabungkan idea *Al-Masya'iyah* yang diwarisinya dari Al-Farabi (260-339H) dengan idea ahli Kalam. Selain itu beliau juga memiliki hujah dan pandangan yang tersendiri, dikenali sebagai Falsafah *Al-Masyriqiyyah*.

Walaupun mendapat kritikan, Falsafah adalah suatu cabang ilmu yang penting untuk diketahui. Tujuan mengkajinya bukan sekadar untuk mendapatkan maklumat dan mengisi pengetahuan. Lebih penting dari itu, ia bertujuan menghurai dan menganalisis serta menilai secara kritis tentang fungsi dan peranannya dalam perkembangan tamadun umat. Selain itu, sebarang kajian berhubung Falsafah Islam juga penting bagi mempelajari sejauh mana kesilapan dan kesalahan, kekeliruan dan penyelewengan telah berlaku dan kesannya terhadap umat.

---

<sup>5</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abd Al-Halim. *Bughyat Al-Murtad fi Raddi 'ala Al-Mutafalsifah*. Ed. Musa Sulaiman Al-Dawisy, Maktabah Al-'Ulum wa Al-Hikam, Ctk. Pertama (1408H).

<sup>6</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abd Al-Halim. *Al-Nubuwwat*. Kaherah: Al-Matba'ah Al-Salafiyyah, (1386H).

<sup>7</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin Abd Al-Halim. *Al-Risalah Al-Safadiyyah*. Ed. Muhammad Rasyad Salim, Ctk. Kedua (1406H).

<sup>8</sup> Penjelasan berkaitan aliran-aliran pemikiran falsafah ini akan dibentangkan di dalam bab ketiga.

Suatu kajian terhadap pandangan seorang sarjana tersohor seperti Ibn Taymiyyah terhadap Falsafah dapat membantu meletakkan ilmu Falsafah di landasan yang sesuai dengan roh Islam. Ia akan menjadi panduan dan teladan dalam usaha membangunkan umat di atas asas yang benar, kukuh dan teguh, iaitu asas Falsafah yang bertepatan dengan Tasawwur Islam atau acuan Islam yang hakiki.

## 1.2) PERNYATAAN MASALAH

Di dalam tradisi ilmu Islam, Falsafah telah mendapat tempat yang meluas di kalangan para sarjana. Ini berlaku terutamanya semenjak era penterjemahan buku-buku Falsafah ke dalam Bahasa Arab samada dari Yunani ataupun dari sebelah timur iaitu Parsi dan India. Buku-buku Falsafah Yunani lebih mendapat perhatian untuk diterjemah samada yang diperolehi melalui perpustakaan di Iskandariyyah mahupun secara terus dari Yunani. Pengaruh Falsafah khususnya dari Yunani semakin meresapi kalangan cerdik pandai Islam. Para sarjana Islam dari pelbagai disiplin ilmu duniawi dan ukhrawi mula membicarakan cabang ilmu mereka sedikit sebanyak dengan pengaruh dan dari kacamata Falsafah.

Sebilangan sarjana Falsafah Islam tidak hanya membicarakan soal-soal Mantiq, Fizik dan Matematik. Sebaliknya mereka turut membahaskan soal-soal Metafizik dan isu-isu aqidah, konsep ibadah dan juga akhlak menggunakan method, konsep pemikiran dan logik Falsafah. Segala-gala yang ada dalam Falsafah cuba sedaya upaya untuk disesuaikan dengan ajaran agama Islam. Demikian juga semua ajaran agama cuba ditafsirkan sebaik mungkin menggunakan idea-idea Falsafah.

Para failasuf Islam seperti Al-Kindi (meninggal 252H), Al-Farabi, Ibn Sina, Ibn Rusyd (520-605H) dan sebagainya telah mencurahkan dan meluahkan segala daya dan keupayaan intelektual mereka untuk mengkaji dan memahami Falsafah Yunani sedalam-dalamnya. Selepas itu, mereka cuba mengolahnya untuk disesuaikan dengan pelbagai aliran Falsafah Yunani itu sendiri. Kemudian konsep dan dapatan yang diperolehi itu cuba pula disesuaikan dengan roh Al-Quran dan Al-Sunnah semampu mungkin.

Usaha penyesuaian ini dilakukan berasaskan keyakinan bahawa tiada pertentangan di antara ajaran Islam dengan Falsafah Yunani. Pada tanggapan mereka, kedua-duanya adalah kebenaran. Ini kerana agama berasaskan wahyu yang terhasil dari jiwa kudus seorang nabi manakala Falsafah adalah hasil pemikiran intelektual seorang failasuf. Kedua-duanya berhubungan dengan Tuhan melalui 'Akal-akal' yang terhasil dari emanasi Tuhan<sup>9</sup>. Oleh itu, sebarang perbezaan yang didapati hanyalah secara zahirnya sahaja. Di sinilah berlakunya pertentangan sengit di antara mereka dengan golongan ahli Fiqh dan ahli Hadith. Golongan sarjana ini tidak menerima huraian doktrin agama menggunakan method Falsafah yang dianggap asing dari sumber agama, Al-Quran dan Al-Sunnah.

Di celah-celah suasana itu, turut subur suatu golongan yang digelar ahli Kalam. Mereka adalah para sarjana yang berkecimpung di dalam perbahasan Ilmu Kalam yang juga sangat mengagungkan kebebasan akal fikiran. Sungguhpun Ilmu Kalam adalah suatu cabang ilmu yang telah muncul sejak sebelum era penterjemahan buku-buku Falsafah Yunani lagi, tetapi ia semakin berkembang hampir serentak dengan perkembangan ilmu Falsafah. Ilmu

---

<sup>9</sup> Perbahasan lanjut tentang proses tersebut akan dibentangkan di dalam bab keempat.

Kalam digunakan oleh sebilangan sarjana Islam bagi mempertahankan Islam daripada ancaman musuh yang menyerang ajaran-ajaran Islam melalui medan ilmu dan pemikiran.

Ilmu Kalam juga menjadi senjata bagi menyangkal pandangan-pandangan ahli Falsafah berhubung topik-topik aqidah dan Metafizik. Sarjana Ilmu Kalam bukan sahaja mengkritik golongan Falsafah Islam di bidang Metafizik bahkan topik-topik Fizik dan selainnya juga dipertikaikan. Hasilnya berlakulah polemik yang berpanjangan di antara ahli Kalam dengan ahli Falsafah. Sungguhpun begitu apa yang nyata, kedua-dua disiplin ilmu ini (Falsafah dan Ilmu Kalam) menjadikan ilmu Mantiq sebagai asas dalam perbahasan mereka. Justeru di dalam perbezaan, terdapat banyak juga persamaan di antara kedua-dua pihak. Pada suatu tempoh, Ilmu Kalam dan Falsafah sudah menjadi seakan dua beradik kembar.

Di kala medan kesarjanaan Islam sarat dengan perbahasan yang dilatari oleh Mantiq Yunani ini, ramai sarjana Hadith dan Fiqh yang menentang penggunaan ilmu ini. Walaubagaimanapun, sejarah telah mencatatkan bahawasanya tidak ramai di kalangan mereka yang bangkit menyanggah hujah-hujah Falsafah dan Ilmu Kalam secara ilmiah lagi bersistematik menggunakan hujah-hujah yang konkrit secara naqli mahupun akli.

Dalam suasana itulah munculnya Ibn Taymiyyah dengan hujah-hujah ilmiah berasaskan nas-nas syarak dan juga akal. Oleh kerana lapangan Falsafah Islam sangat luas, perhatian utama Ibn Taymiyyah ialah pada aspek Mantiq dan Metafizik. Mantiq sebagai asas pemikiran Falsafah dan Metafizik pula berkaitan dengan pegangan agama. Aspek Metafizik yang dibicarakan oleh sarjana Falsafah Islam itu juga sangat luas skopnya, mereka yang terlibat

sangat ramai. Justeru pandangan balas Ibn Taymiyyah terhadap hal-hal itu juga sangat banyak. Kajian ini memfokuskan kepada satu aspek penting Metafizik iaitu: kenabian. Topik yang telah mendapat perhatian serius oleh Ibn Taymiyyah sehingga hampir tiada kitab karangannya yang tidak menyentuh tajuk ini. Malahan satu kitab khas berhubung topik ini telah beliau karang iaitu: *Al-Nubuwwat* (Kenabian).

Konsep kenabian adalah salah satu isi penting di dalam kepercayaan masyarakat yang beragama. Semua 'agama samawi'<sup>10</sup> dan fahaman yang berasal dari saki baki kepercayaan samawi beriman kepada kewujudan para nabi. Kedudukan nabi adalah sangat tinggi di dalam masyarakat beragama. Nabi adalah seorang yang mulia, utusan Allah yang ditugaskan menyampaikan ajaran-Nya kepada umat manusia. Dia adalah pemimpin umat menuju kebahagiaan abadi di akhirat kelak.

Dalam konteks ini yang membezakan di antara agama-agama tersebut ialah pada mengiktiraf beberapa individu sebagai nabi. Ajaran Yahudi dan Nasrani tidak mengiktiraf kenabian dan kerasulan nabi Muhammad S.A.W, tetapi Islam mewajibkan umatnya beriman dengan setiap rasul yang diutuskan termasuk nabi-nabi bagi Yahudi dan Nasrani. Yahudi menghina nabi Isa a.s, Kristian mempertuhankannya manakala Islam meletakkan baginda sebagai seorang manusia biasa yang dilantik menjadi utusan Allah.

Manusia sejagat sebenarnya bukan sekadar memerlukan 'pemimpin kerohanian' malahan memerlukan pemimpin dalam kehidupan bermasyarakat

---

<sup>10</sup> Agama samawi adalah suatu istilah yang digunakan secara meluas, merujuk kepada ajaran yang berasal dari wahyu yang dibawa oleh rasul contohnya Yahudi, Nasara dan Islam. Menggunakan istilah ini sama sekali tidak bermakna mengiktiraf penyelewengan yang telah berlaku ke atas agama-agama seperti Yahudi dan Nasara. Antara sarjana Islam yang telah menggunakan istilah ini ialah para sarjana tafsir seperti Abu Al-Su'ud (898-982H), Al-Alusi (1217-1270H), Ibn 'Asyur (1296-1393H), Sayyid Qutb (1323-1387H) dan ramai lagi. Rujuk misalnya: Al-Alusi, Syihab Al-Din Mahmud Bin Abd Allah Al-Husaini. *Ruh Al-Ma'ani fi Tafsir Al-Quran Al-'Azim wa Al-Sab'i Al-Mathani*. [11 Jun 2007], (13/128): <http://www.altafsir.com>.



dan bernegara. Manusia memerlukan satu model kukuh yang menunjuk jalan menuju ke arah kesejahteraan hidup dan kebahagiaan sesudah mati. Bagi umat Islam, peranan yang begitu besar dan penting itu dipikul oleh seorang nabi. Perjuangannya dibantu oleh orang-orang yang mendokong ajaran dan panduannya. Oleh itu apabila ada manusia yang cuba mempertikaikan kewujudan atau fungsi seorang nabi, ia sesuatu yang mengancam kesejahteraan kehidupan malahan mengancam ajaran agama itu sendiri.

Dalam tradisi Falsafah Islam, telah muncul beberapa individu seperti Ahmad Bin Yahya Bin Ishaq Al-Rawindi (205-298H) dan Abu Bakar Al-Razi (251-311H) yang mempertikaikan kenabian. Mereka mempertikaikan kewajaran pengutusannya, mempersoalkan hakikat wahyu dan beberapa perkara asas yang mencemar aqidah kenabian seorang Muslim. Apabila persoalan dan pertikaian itu dibahaskan secara falsafi, muncullah beberapa kalangan sarjana Falsafah Islam seperti Al-Farabi yang mempertahankan kewujudan dan kemuliaan nabi. Para sarjana ini juga menilai dan menghuraikan segala yang bersangkutan dengan kenabian samada di sudut wahyu, mukjizat dan sebagainya dari kacamata Falsafah Islam.

Apabila usaha-usaha seperti ini dirasakan tersasar dari landasan syarak yang sebenar, muncullah pula sarjana-sarjana Islam dari pelbagai aliran dan latar belakang menangani masalah itu. Dua nama besar di dalam tradisi keilmuan Islam yang memberi impak besar dalam pergolakan ini ialah: Abu Hamid Al-Ghazali dan Ibn Taymiyyah. Al-Ghazali bagaimanapun dilihat telah terpengaruh dengan corak pemikiran Falsafah, bahkan beberapa karyanya membuktikan beliau adalah sebahagian daripada 'produk' Falsafah Islam.

Oleh yang demikian, Ibn Taymiyyah adalah satu-satunya nama sarjana di luar alam Falsafah yang mendalami dan menguasai Falsafah. Tujuannya bukan untuk mempertahankan Falsafah atau memberikan alasan dan tafsiran untuk disesuaikan dengan agama. Tetapi tujuannya untuk mendedahkan kepincangan Falsafah tatkala berbicara tentang isu-isu aqidah. Topik sendi yang menghubungkan kesemua aspek perbahasan tersebut ialah tentang kenabian.

Kajian ini bertujuan mengemukakan isu-isu berkaitan kenabian yang menjadi polemik di antara Ibn Taymiyyah dan sebilangan sarjana Falsafah yang dikritiknya khusus ahli Falsafah dari aliran *Al-Masya'iyah*.

### 1.3) OBJEKTIF KAJIAN

Ibn Taymiyyah adalah suatu nama besar dalam gelanggang kesarjanaan Islam. Beliau telah mengupas bermacam-macam isu yang membaitkan banyak pihak. Salah satu topik penting yang beliau bahaskan ialah kenabian. Kenabian adalah suatu topik yang sangat penting yang telah cuba di'Islamisasi'kan oleh para sarjana Falsafah Islam. Berdasarkan kepentingan ini, maka objektif utama kajian ini ialah untuk mengemukakan beberapa aspek di dalam konsep kenabian seperti yang diterangkan oleh Ibn Taymiyyah. Apa yang beliau kemukakan itu pula adalah suatu respons atau sanggahan terhadap konsep yang dikemukakan oleh para sarjana Falsafah Islam seperti Al-Farabi, Ibn Sina, Al-Ghazali dan Ibn Rusyd.

Secara khusus pula, objektif kajian ini ialah:

1. Membentangkan latar belakang kehidupan, keilmuan dan perjuangan Ibn Taymiyyah khususnya dalam berhadapan dengan golongan Falsafah berhubung dengan topik aqidah atau Metafizik.
2. Memaparkan latar belakang Falsafah Islam yang terdiri daripada berbagai aliran, tokoh, hasil karya dan topik yang dibahaskan. Perhatian khusus diberikan kepada aliran *Al-Masya'iyah* kerana hubungkaitnya yang rapat dengan kritikan Ibn Taymiyyah.
3. Mengemukakan idea-idea golongan Falsafah *Al-Masya'iyah* sebelum zaman Ibn Taymiyyah seperti Al-Farabi, Ibn Sina dan Al-Ghazali berhubung tajuk kenabian serta mengemukakan jawapan dan ulasan Ibn Taymiyyah terhadapnya.
4. Menyaring dan menapis unsur-unsur yang boleh mengeluarkan Falsafah Islam daripada roh dan Tasawwur Islam yang tulen sebagaimana yang difahami dan diperjuangkan oleh Ibn Taymiyyah

#### 1.4) SKOP KAJIAN

Ibn Taymiyyah adalah suatu nama yang masyhur di persada keilmuan Islam. Nama ini harum dengan karya-karya yang sarat dengan hujah dan dalil bagi meyakinkan pembacanya tentang idea-idea yang dibawanya. Hujah dan dalil itu dilimpahkan untuk membatalkan dakwaan dan tanggapan pelbagai aliran pemikiran dalam dunia Islam. Namun bagi mengelakkan kekeliruan dan menyandarkan pendapat bukan pada tuannya, perlu dijelaskan bahawa ada empat orang individu yang terkenal dengan panggilan Ibn Taymiyyah. Kesemua mereka terlibat di dalam arena kesarjanaan Islam. Mereka ialah:

1. Abu Abd Allah Fakhr Al-Din Muhammad Bin Al-Khadir Bin Muhammad Bin Al-Khadir Bin Ali Bin Taymiyyah Al-Harrani Al-Hanbali (542-622H)

Beliau merupakan seorang mufti, khatib dan guru yang sangat dihormati. Beliau juga adalah salah seorang ulama bermazhab Hanbali yang terkenal di Harran. Di antara karyanya yang terkenal ialah *Al-Diwan* dan *Al-Tafsir Al-Kabir* (Tafsir Besar), sebuah kitab yang disangka oleh sebilangan penulis sebagai hasil karya Syeikh Al-Islam Ahmad Bin Taymiyyah.

2. Abu Al-Barakat Majd Al-Din 'Abd Al-Salam Bin 'Abd Allah Bin Al-Khadir Bin Muhammad Bin Taymiyyah Al-Harrani Al-Hanbali (590-652H)

Beliau adalah anak saudara kepada Fakhr Al-Din Muhammad dan merupakan datuk kepada Syeikh Al-Islam Ibn Taymiyyah. Beliau terkenal dengan sifat yang keras dan tegas mempertahankan kemurnian Islam. Beliau juga terkenal sebagai ulama terbilang di bidang Fiqh, ilmu Qiraat dan lain-lain. Beliau turut memiliki beberapa penulisan dalam beberapa cabang ilmu.

3. Syihab Al-Din 'Abd Al-Halim Bin 'Abd Al-Salam Bin 'Abd Allah Bin Al-Khadir Bin Taymiyyah Al-Harrani Al-Hanbali (628-682H)

Beliau adalah anak kepada Majd Al-Din Abu Al-Barakat dan merupakan ayah kepada Syeikh Al-Islam Ibn Taymiyyah. Beliau merupakan kesinambungan bagi kecemerlangan ilmu pengetahuan sebuah keluarga ilmuwan bermazhab Hanbali di Harran. Majd Al-Din kemudiannya telah membawa keluarganya berhijrah ke Damsyiq kerana menyelamatkan diri daripada tentera Tartar.

4. Abu Al-'Abbas Taqiy Al-Din Ahmad Bin 'Abd Al-Halim Bin 'Abd Al-Salam Bin 'Abd Allah Bin Al-Khadir Bin Taymiyyah Al-Harrani Al-Hanbali yang digelar Syeikh Al-Islam Ibn Taymiyyah (661-728H).

Beliaulah Ibn Taymiyyah yang telah menggegarkan dunia kesarjanaan Islam melalui kritikan-kritikannya ke atas golongan Falsafah, ahli Kalam, Tasawwuf dan sebagainya. Beliaulah yang dimaksudkan di dalam kajian ini.

Kajian ini secara umumnya adalah mengenai ketokohan Ibn Taymiyyah dan kecemerlangan pemikirannya. Oleh itu dikemukakan terlebih dahulu biografi dan latar belakang keilmuan beliau. Dalam aspek ini, latar belakang pendidikan, suasana semasa, karya-karya ilmiah dan tribulasi demi tribulasi yang menimpa beliau menjadi tolok ukur berhubung kelayakkannya mengulas isu-isu ilmu khususnya Falsafah. Kesungguhannya terhadap ilmu pengetahuan dapat disaksikan dan dinilai melalui jumlah tulisannya yang banyak, padat dengan hujah dan maklumat serta mencakupi pelbagai disiplin ilmu.

Kajian ini juga membentangkan salah satu tajuk penting dalam Metafizik di dalam tradisi Falsafah Islam iaitu konsep kenabian. Kajian ini akan memperincikan ketokohan, pemikiran dan pandangan Syeikh Al-Islam Ahmad Bin 'Abd Al-Halim berkaitan dengan persoalan kenabian. Pandangan beliau itu akan didasarkan kepada reaksinya terhadap konsep dan kepercayaan ahli Falsafah tentang topik tersebut. Golongan Falsafah yang dimaksudkan secara khusus ialah golongan *Al-Masya'iyah*. Dikemukakan teori-teori penting dan konsep yang dipopularkan oleh sarjana Falsafah Islam *Al-Masya'iyah* seperti Al-Farabi, Ibn Sina, Al-Ghazali dan Ibn Rusyd.

Bagi pandangan aliran *Al-Masyriqiyyah* juga *Al-Isyraqiyyah* tidak disentuh lanjut kerana perbahasan mereka lebih mirip kepada perbahasan golongan Tasawwuf. Sudut pandangan ahli Tasawwuf dan ahli Kalam tidak

dikupas melainkan mungkin sekadar sedikit perbandingan sahaja. Ini bertujuan untuk tidak membuka ruang yang terlalu luas di dalam kajian ini.

Kajian ini bertujuan menyatakan pendirian Ibn Taymiyyah terhadap persoalan dan kekeliruan yang timbul berhubung topik kenabian. Persoalan-persoalan tersebut adalah sangat berkaitan dengan pendirian dan idea para sarjana Falsafah Islam. Oleh demikian, kajian ini membentangkan ulasan dan komentar Ibn Taymiyyah berhubung teori dan konsep berkaitan samada dalam bentuk persetujuan ataupun tentangan.

### 1.5) KEPENTINGAN KAJIAN

Selepas kewafatan Rasulullah S.A.W, umat Islam telah melalui berbagai-bagai pengalaman dan kejadian. Pergolakan politik, peperangan demi peperangan, pertukaran pentadbiran negara dan perluasan tanah perkembangan Islam telah berlaku. Negara umat Islam kian meluas, kemajuan semakin pesat, pusat pengajian semakin bertambah. Segala ilmu yang membabitkan kepentingan duniawi dan ukhrawi disebar secara meluas. Tradisi keilmuan dan ketamadunan umat Islam telah melalui berbagai-bagai peringkat kematangan ilmu.

Di sebalik kemajuan keilmuan, manusia masih memerlukan bimbingan agar tidak tergelincir dari landasan yang telah ditetapkan oleh syariat. Bagi mencapai kebahagiaan hakiki, jalan yang patut dilalui ialah jalan Rasulullah S.A.W. Ini kerana jalan baginda sahajalah yang dijamin oleh Allah S.W.T sebagai 'jalan yang lurus'<sup>11</sup>. Namun, umat Islam telah menghadapi kerencaman pemikiran dan kepercayaan. Ada segelintir manusia yang sanggup

---

<sup>11</sup> Lihat: Surah Yasin:4-5

meninggalkan panduan agama demi mengejar kehebatan duniawi semata-mata. Justeru itu, umat sering tercari-cari manusia yang mampu menangani persoalan umat dan memandu ke jalan yang lurus. Inilah tugas para sarjana Islam.

Sebenarnya tiada manusia yang sempurna (selain nabi) yang sentiasa mampu memberikan buah fikiran yang ampuh untuk menangani semua persoalan umat. Tetapi di dalam sejarah keilmuan Islam telah muncul beberapa individu yang mampu memberikan kesan besar ke atas pemikiran umat. Nama-nama besar seperti Muhammad Bin Idris Al-Syafi'i (150-204H), Ahmad Bin Hanbal (164-241H), Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari (194-256H), Ibn Sina, Al-Ghazali, Ibn Rusyd dan Ibn Taymiyyah adalah di antara contoh manusia yang berkesan terhadap pemikiran dan keilmuan umat. Setiap mereka memberi kesan dalam beberapa aspek keilmuan dan pemikiran serta ketamadunan umat.

Ibn Taymiyyah umpamanya, adalah seorang tokoh yang menghabiskan hayatnya untuk berjuang. Beliau bergelumang dengan polemik ilmiah selain turun ke medan jihad *fi sabilillah* (di jalan Allah). Banyak pihak yang menjadi sasaran kritiknya dan banyak topik yang beliau bicarakan. Disebabkan itu, banyak juga pihak yang memusuhinya dan melemparkan ke atasnya berbagai tuduhan dan dakwaan. Menyedari hakikat ini, tidak wajar bagi golongan ilmuwan membiarkan segala polemik, pertikaian dan permusuhan itu tanpa dikaji dan dianalisis. Jikalau beliau berada di pihak yang benar, perjuangannya perlu disokong dan diperkukuhkan. Andainya beliau berada di pihak yang salah, hujah-hujahnya perlu dibantah atau dibuat pembetulan.

Sepanjang sejarah keilmuan Islam ini juga, sentiasa ada golongan yang menjadi pengikut dan penyokong pemikiran Ibn Taymiyyah. Lebih-lebih lagi beliau mengisytiharkan bahawa beliau adalah pendokong manhaj *Al-Salaf*. Berlawanan dengan hal itu, ialah ada sahaja golongan yang tampil memerangi pemikiran Ibn Taymiyyah dan menuduhnya dengan berbagai-bagai tuduhan. Hasil dari situasi ini, karya-karya tulisan beliau terus segar dibaca dan dikaji oleh para sarjana Islam dan bukan Islam sepanjang zaman.

Untuk menilai ketokohan satu-satu individu atau sejauh mana kebenaran dan keberkesanan pemikirannya memerlukan kepada penyelidikan dan kajian yang objektif. Sebarang bentuk sokongan yang membuta tuli atau tohmahan yang tidak berasas tidak akan dapat menyingkap kebenaran. Ia sama sekali tidak membuktikan apa-apa. Justeru itu penilaian ke atas pemikiran Ibn Taymiyyah dilakukan melalui topik kenabian yang telah menjadi polemik di antara beliau dengan beberapa pihak. Oleh kerana tajuk perbincangannya luas, kritikan beliau ke atas doktrin Falsafah Islam *Al-Masya'iyah* menjadi fokus.

Kenapa isu ini yang dipilih? Konsep kenabian adalah isu kritikal yang mendapat perhatian banyak pihak. Golongan Falsafah Islam sendiri tidak pernah ketinggalan memasukkan perbincangan mengenainya dalam penulisan mereka. Ia adalah isu yang berkaitan di antara alam malakut, alam dunia dan alam akhirat. Membahaskan topik ini sebagai seorang Muslim sejati tanpa dilatari oleh mana-mana pemikiran akan memberikan gambaran sebenar kemulian, keagungan dan fungsi seorang nabi. Ibn Taymiyyah menyuarakan pendirian Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama'ah dalam seluruh perjuangannya. Ciri penting Ahli Al-Sunnah pula ialah beriman terhadap kenabian dalam bentuk yang sebenar seperti yang dituntut oleh nas-nas syarak.



## 1.6) KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU

Sejak berkurun-kurun lama, begitu banyak penulisan dan kajian telah dilakukan tentang peribadi Ibn Taymiyyah. Kajian tersebut tidak terhad di dalam Bahasa Arab sahaja bahkan terdapat di dalam pelbagai bahasa dunia. Ada pengkaji yang membicarakannya secara umum, ada juga yang memfokuskan terhadap aspek-aspek tertentu. Kajian bentuk kedua inilah yang banyak dilakukan oleh para sarjana moden.

### Kajian tentang peribadi Ibn Taymiyyah secara umum.

Terdapat banyak tulisan berkaitan topik ini antaranya:

i- Abu Zuhrah, Muhammad. *Ibn Taymiyyah: Hayatuhu wa 'Asruhu – Ara'uhu wa Fiqhuhu* (Ibn Taymiyyah: Kehidupannya dan zamannya – pandangan-pandangannya dan pegangan Fiqhnya). Kaherah: Dar Al-Fikr Al-Arabiyy, (1991M).

Kandungan buku ini telah dijelaskan oleh tajuknya. Ia memaparkan kehidupan dan pendirian intelektual Ibn Taymiyyah. Bagaimanapun penulis telah melakukan kritikan terhadap beberapa pendirian Ibn Taymiyyah sama ada dalam urusan aqidah mahupun dalam urusan hukum-hakam.

ii- Al-Nadwi, Abu Al-Hasan Ali Al-Hasani. *Silsilah Rijal Al-Fikr wa Al-Da'wah: Al-Hafiz Ahmad Bin Taymiyyah* (Siri Tokoh-tokoh Pemikiran dan Dakwah: Al-Hafiz Ahmad Bin Taymiyyah). Kuwait: Dar Al-Qalam, (1993M).

Buku yang menarik ini mengetengahkan kesarjanaan Ibn Taymiyyah dalam berbagai disiplin ilmu di samping membuktikan betapa beliau merupakan tokoh umat yang menafkahkan seluruh hidupnya untuk Islam.

iii- Abu Safwan Farid Ibn Abdulwahid Ibn Haibatan. *Shaykh Al-Islam Ibn Taymiyyah*. [13 Jun 2007]: [www.islaam.org.uk](http://www.islaam.org.uk).

Tulisan ini seperti banyak tulisan yang lain mengutarakan latar belakang kehidupan dan kesarjanaan Ibn Taymiyyah. Ia diperkukuhkan dengan nukilan perkataan bebarapa orang sarjana yang memuji dan menghormati keilmuan beliau.

iv- Abu Rumaysh. *Shaykh Al-Islam Ibn Taymiyyah*. [13 Jun 2007]: <http://www.islamworld.net>.

Tulisan ini juga mengetengahkan perjuangan Ibn Taymiyyah dan cabaran-cabaran yang dihadapi olehnya dalam menentang penyelewengan agama dan kejumudan sebilangan fuqaha'.

v- Encyclopedia Britannica Online. *Ibn Taymiyyah*. [12 Jun 2007]: <http://www.britannica.com>.

Artikel seperti ini perlu bagi kalangan yang ingin mengenali secara ringkas tentang peribadi Ibn Taymiyyah. Namun kajiannya tidak begitu mendalam serta tidak menghayati pendirian dan perjuangan Ibn Taymiyyah.

#### Kajian tentang Ibn Taymiyyah dalam pelbagai bidang.

Banyak aspek dalam kehidupan Ibn Taymiyyah yang telah dibuat kajian. Antaranya ialah bidang tasawwuf, ilmu hadith, ekonomi, pemikiran politik dan lain-lain. Contoh-contohnya:

i- Puteh Ishak. *Ibn Taymiyyah: Sejarah Hidup dan Tasawwuf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1993M).

Kajian ini adalah berkaitan dengan keperibadian, latar belakang kehidupan dan keilmuan Ibn Taymiyyah. Ia menyentuh tentang pendirian beliau

berkaitan tasawwuf serta pertentangan-pertentangan di antaranya dengan golongan Sufi.

ii- Hilmi, Mustafa Muhammad. *Ibn Taymiyyah wa Al-Tasawwuf* (Ibn Taymiyyah dan Tasawwuf). Iskandariyyah: Dar Al-Dakwah, (1982M).

Tulisan ini adalah berkenaan pandangan-pandangan Ibn Taymiyyah terhadap Tasawwuf dan amalan-malan hati. Ia menjelaskan betapa Ibn Taymiyyah tidak memusuhi Tasawwuf -sebagaimana yang disalahtanggapi oleh segelintir manusia- apabila ia bertepatan dengan syarak.

iii- Al-Firyawa'iy, 'Abd Al-Rahman Bin 'Abd Al-Jabbar. *Syeikh Al-Islam Ibn Taymiyyah: Juhuduhu fi Al-Hadith wa 'Ulumihi* (Syeikh Al-Islam Ibn Taymiyyah: Usaha-usaha beliau di dalam Hadith dan Ilmu-ilmunya). Riyad: Dar Al-'Asimah, (1996M/1416H).

Buku ini membentangkan usaha-usaha yang dilakukan oleh Ibn Taymiyyah di dalam bidang hadith. Di sini juga dikemukakan bukti-bukti kemantapan ilmu beliau di dalam disiplin ini sehingga mampu menguasai salah satu cabangnya iaitu: kritikan terhadap *matan* (teks) hadith.

iv- Qamaruddin Khan. *The Political Thought of Ibn Taymiyyah* (Pemikiran Politik Ibn Taymiyyah). Lahore, Pakistan: Islamic Book Foundation, (1983M/1403H).

Kajian ini mengenai pemikiran politik Ibn Taymiyyah khususnya yang beliau jelaskan di dalam kitabnya: *Al-Siyasah Al-Syar'iyyah fi Islah Al-Ra'i wa Al-Ra'iyyah* (Politik Islam Bagi Memperbaiki Pemerintah dan Rakyat)<sup>12</sup>

v- Islahiy, 'Abd Al-'Azim. *Economic Concepts of Ibn Taymiyyah* (Konsep-konsep Ekonomi Ibn Taymiyyah). Leicester, UK: The Islamic Foundation, (1988M/1408H).

---

<sup>12</sup> Ibn Taymiyyah, Ahmad Bin 'Abd Al-Halim. *Al-Siyasah Al-Syar'iyyah fi Islah Al-Ra'i wa Al-Ra'iyyah*. Beirut: Dar Al-Ma'rifah, (t.t).

Kajian ini adalah berkaitan idea-idea ekonomi yang telah dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah dalam beberapa tulisannya.

Kajian khusus tentang Ibn Taymiyyah dan pandangannya terhadap doktrin Falsafah.

Oleh kerana Falsafah mendapat tempat yang banyak di dalam penulisan Ibn Taymiyyah, tidak hairanlah banyak kajian telah dilakukan berhubung dengannya. Antara contohnya ialah:

i- Fu'ad, 'Abd Al-Fattah Ahmad. *Ibn Taymiyyah wa Mawqifuhu min Al-Fikr Al-Falsafiy* (Ibn Taymiyyah dan Pendirian-pendiriannya Terhadap Pemikiran Falsafah). Kaherah: Dar Al-Da'wah, (1987M).

Buku ini membicarakan tentang pendirian Ibn Taymiyyah berhubung manhaj pemikiran Falsafah. Fokus utama diberikan kepada kritikan beliau terhadap Mantiq Yunani, manakala persoalan-persoalan metafizik disentuh tidak begitu terperinci. Sungguhpun begitu, banyak isu yang disebut sekalipun tidak mendalam.

ii- Harbi, Muhammad. *Ibn Taymiyyah wa Mauqifuhu fi Ahammi Al-Firqah wa Al-Diyarat fi 'Asrihi* (Ibn Taymiyyah dan Pendirian-pendiriannya Terhadap Firqah-firqah dan Doktrin-doktrin Utama di Zamannya). Beirut: Alam Al-Kutub, (1987M/1407H).

Buku ini mengutarakan pendirian-pendirian Ibn Taymiyyah terhadap isme-isme yang lahir di zamannya. Di antara isme yang utama ialah Falsafah. Buku ini agak lebih detail membicarakan pendirian Ibn Taymiyyah dalam hal Metafizik berbanding mana-mana buku seumpamanya. Namun lantaran skop

utamanya bukanlah Falsafah dan Metafizik, banyak isu yang tidak disentuh secara meluas, contohnya: kenabian.

iii- Salim, Muhammad Rasyad. *Muqararat bayna Al-Ghazali wa Ibn Taymiyyah* (Perbandingan di antara Al-Ghazali dan Ibn Taymiyyah). Cetakan tanpa tahun dan penerbit.

Buku ini membicarakan secara khusus perbezaan manhaj di antara dua orang sarjana yang pernah menggugat aliran Falsafah. Penulis membongkar betapa Al-Ghazali lebih hampir dengan pemikiran Falsafah berbanding Ibn Taymiyyah yang lebih konsisten menyanggah doktrin Falsafah. Selain perbandingan manhaj, turut diutarakan perbezaan konsep antara kedua-duanya berhubung topik kenabian. Namun oleh kerana saiz buku ini yang kecil, ia tidak dapat memuatkan secara panjang lebar idea-idea Ibn Taymiyyah dalam hal berkenaan. Perbandingannya hanya dengan Al-Ghazali. Kajian ini dirasakan kurang mantap kerana beberapa pendapat Al-Ghazali yang dinukilkan adalah daripada beberapa karya yang diragui kesahihannya sebagai tulisan beliau. Bagaimanapun buku ini sangat bermanfaat dalam membuka ruang untuk memperhalusi tajuk ini.

iv- Zarkasyi, Hamid Fahmi. *Ibn Taymiyyah: Critics on Philosophy* (Ibn Taymiyyah: Kritikan-kritikan terhadap Falsafah). (M.Phil. Thesis) The University of Birmingham, UK: (1998M).

Kajian ini banyak memfokuskan kepada perbahasan ilmu Mantiq Yunani. Topik Metafizik yang disentuh lebih berkisar tentang kewujudan Tuhan dan dalil-dalilnya.

v- Baqir, Zainal Abidin. *The Problem of Definition in Islamic Logic: A Study of Abu Naja Al-Farid's Kars Al-Mantiq in Comparison with Ibn Taymiyyah's Kitab*

*Al-Radd 'Ala Al-Mantiqiyyin* (Masalah Definisi di dalam Logik Islami: Suatu Kajian tentang kitab Kars Al-Mantiq oleh Abu Naja Al-Farid Perbandingan dengan kitab Al-Radd 'Ala Al-Mantiqiyyin oleh Ibn Taymiyyah). (M.A Thesis) ISTAC, Kuala Lumpur: (1994M).

Ini ialah kajian perbandingan di antara manhaj Abu Naja Al-Farid dengan Ibn Taymiyyah di dalam disiplin ilmu Mantiq.

Sungguhpun banyak kajian telah dilakukan ke atas Ibn Taymiyyah, namun ia tidak mengurangkan kepentingan tesis ini. Ramai yang mengetahui betapa Ibn Taymiyyah mengkritik keras doktrin Falsafah, tetapi tidak banyak didedahkan secara terperinci aspek-aspek yang beliau kritik. Justeru itu, tesis ini mengemuka dan menghuraikan persoalan tersebut secara khusus dalam topik kenabian. Kajian ini mendatangkan hujah-hujah Ibn Taymiyyah mempertahankan pendiriannya yang menjelaskan betapa permusuhan beliau adalah berasaskan manhaj ilmu dan bukan kerana emosi dan hawa nafsu. Di sini dijelaskan juga betapa ahli Falsafah mempunyai asas dan alasan mereka sendiri semasa mengemukakan teori dalam perbahasan ini. Pembentangan dari sudut ini kurang dibincangkan di dalam kajian-kajian yang terdahulu.

#### **1.7) METHODOLOGI KAJIAN**

Asas kepada penyelidikan ini adalah keyakinan bahawa setiap perkataan dan pandangan yang dikeluarkan oleh manusia boleh diterima dan boleh juga ditolak melainkan baginda Rasulullah S.A.W. Kitab Allah dan sunnah rasul-Nya sentiasa diletakkan di hadapan serta menjadi neraca menimbang kebenaran atau kesalahan satu-satu fakta. Sebarang matlamat yang baik tidak semestinya

akan memberikan kesudahan yang baik jika jalan dan cara yang dilalui adalah tidak benar.

Justeru tu, kajian ini tidak meletakkan sebarang bentuk hipotesis, sebaliknya ia bersifat deskriptif dan analitik. Teks-teks penulisan yang menggambarkan pendirian sarjana Falsafah Islam *Al-Masya'iyah* dan Ibn Taymiyyah akan dibentangkan terlebih dahulu sebelum dianalisis. Pendirian tersebut dikemukakan melalui huraian ke atas teks asal dan diterjemah ke Bahasa Melayu. Seterusnya pendirian tersebut akan dianalisis dan ditimbang melalui kaedah istinbat hukum yang disepakati oleh para sarjana Islam sejak turun temurun iaitu Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma' dan Qias yang sahih lagi muktabar. Semua ini adalah dalam rangka memenuhi objektif kajian.

Berikut adalah rangka kerja penyelidikan yang dibahagikan kepada dua (2) fasa, iaitu:

Fasa Pertama: Pengumpulan Data.

ia dilaksanakan seperti berikut:

- i- Kajian perpustakaan yang membabitkan sumber-sumber rujukan utama, iaitu:
  - a) Karya-karya karangan Ibn Taymiyyah.
  - b) Karya-karya utama Falsafah Islam seperti tulisan Al-Farabi, Ibn Sina, Al-Ghazali dan Ibn Rusyd.
- ii- Kajian perpustakaan melibatkan sumber-sumber sekunder seperti:
  - a) Kajian-kajian khususnya yang moden tentang peribadi Ibn Taymiyyah dan lapangan ilmu yang dibahaskannya.
  - b) Tulisan-tulisan berhubung sejarah perkembangan pemikiran Falsafah dalam masyarakat Islam terutama di Tanah Arab.

- c) Tulisan-tulisan yang menyentuh tentang kesan pemikiran Ibn Taymiyyah dan sejauh mana pengaruhnya terhadap umat selepasnya.

#### Fasa Kedua: Analisis Fakta dan Pembentangan

Ia dilakukan seperti berikut:

- i- Membentangkan topik mengikut susunan yang ditetapkan dalam rancangan. Tajuk-tajuk yang dibincangkan dibentangkan mengikut kepentingan atau kesesuaian konteks.
- ii- Mengemukakan pandangan-pandangan setiap sarjana samada Ibn Taymiyyah atau ahli Falsafah atau selain mereka berasaskan tulisan mereka sendiri. Berkenaan Al-Ghazali, hanya kitab tulisannya yang disepakati atau hampir diyakini sahaja yang dibuat perbandingan, manakala karangan yang diragukan tidak diambilkira. Ketika mengutarakan komentar Ibn Taymiyyah, biasanya akan didahulukan dengan sedikit pernyataan dari pihak Falsafah yang dinukilkan sendiri oleh beliau di dalam kitab-kitabnya.

Setiap pandangan akan dihuraikan mengikut keperluan. Sebarang keputusan dibuat sedaya upaya secara objektif dan adil.

#### **1.8) ORGANISASI TESIS**

Kajian ini mengandungi empat (4) bab termasuk pendahuluan dan penutup.

##### **Bab 1: Pendahuluan**

Bab ini membicarakan tentang latar belakang dan kepentingan kajian ini. Dinyatakan juga tentang ruang lingkup, skop dan manhaj yang dijalankan